

Kakitangan organisasi kewangan dalam Spirit AeroSystems Malaysia Sdn Bhd memegang peranan yang penting dan tinggi dalam Pentadbiran Korporat di mana mereka secara uniknyanya mampu dan diberi kuasa untuk memastikan bahawa semua pihak yang berkepentingan diseimbangkan, dilindungi dan dipelihara sewajarnya.

Kod Kewangan Tatalaku Profesional ini menyediakan prinsip-prinsip, yang dijangkakan akan dipatuhi dan disokong. Prinsip-prinsip tingkah laku etika perniagaan ini merangkumi peraturan-peraturan mengenai individu dan tanggungjawab rakan sebaya serta tanggungjawab kepada pekerja-pekerja Spirit AeroSystems Malaysia Sdn Bhd, orang awam dan pihak berkepentingan yang lain. Semua kakitangan kewangan dikehendaki untuk mematuhi Kod ini. Kod ini adalah saling melengkapi dan tidak menggantikan tanggungjawab yang dimiliki semua pekerja seperti yang digariskan dalam Kod Etika dan Tatalaku Perniagaan.

Sebarang pelanggaran tatakelakuan ini boleh menyebabkan tindakan tatatertib sehingga/dan termasuk pemberhentian.

Semua pekerja yang dirangkumi oleh Kod Kewangan Tatakelakuan Profesional ini akan:

- Bertindak dengan penuh kejujuran dan berintegriti, mengelakkan percanggahan kepentingan yang jelas atau nyata dalam perhubungan peribadi dan profesional.
- Menyediakan pihak yang berkepentingan dengan maklumat yang tepat, lengkap, bermatlamat, adil, relevan, masa yang tepat dan difahami, termasuk maklumat mengenai pemfailan bersama U.K. dan US Securities and Exchange Commission dan komunikasi awam lain.
- Mematuhi syarat dan peraturan agensi-agensi kerajaan dan pihak swasta dan kawal selia awam yang sewajarnya.
- Bertindak dengan niat baik, bertanggungjawab, dengan memberi perhatian sewajarnya, kecekapan dan ketekunan, tanpa menyalahafsir bahan fakta atau membenarkan pertimbangan bebas seseorang untuk dikompromi.
- Menghormati kerahsiaan maklumat yang diperolehi semasa kerja kecuali apabila dibenarkan atau jika diwajibkan secara sah untuk didedahkan.
- Tidak menggunakan maklumat sulit yang diperolehi semasa menjalankan tugas untuk kepentingan peribadi.
- Berkongsi pengetahuan dan menyelenggara kemahiran penting dan relevan kepada keperluan pihak berkepentingan.
- Proaktif menggalakkan dan menjadi contoh tingkah laku yang beretika dalam kalangan rakan sebaya, persekitaran kerja dan masyarakat.
- Mengawal dan bertanggungjawab ke atas semua aset dan sumber yang diguna pakai atau diamanahkan kepada pihak Spirit.

- Tidak memaksa, memanipulasi, mengelirukan atau mempengaruhi mana-mana pihak audit yang diberi kuasa atau menghalang mana-mana juruaudit yang terlibat dalam melaksanakan sesuatu audit dalaman atau audit bebas sistem kawalan dalaman, penyata kewangan atau perakaunan buku dan rekod Spirit AeroSystems Malaysia Sdn Bhd.
- Melaporkan sekiranya berlaku pelanggaran pada mana-mana Kod berikut dengan segera selaras dengan Kod Etika dan Tatalaku Perniagaan.

**KOMITMEN PERIBADI ANDA UNTUK KOD KEWANGAN TATAKELAKUAN PROFESIONAL  
SPIRIT AEROSYSTEMS MALAYSIA SDN BHD**

Saya mengakui bahawa saya telah menerima dan membaca Kod Kewangan Tatakelakuan Profesional Spirit AeroSystems Malaysia Sdn Bhd dan memahami tanggungjawab saya sebagai pekerja untuk mematuhi Kod.

**Nama**  
**(Huruf Besar)**

\_\_\_\_\_

**No**  
**kakitangan**

\_\_\_\_\_

**Tandatangan**

\_\_\_\_\_

**Tarikh**

\_\_\_\_\_

\*Penafian : Sekiranya berlaku sebarang percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia , Bahasa Inggeris akan digunapakai .